

Terikat Kepada Juruselamat Melalui Perjanjian dan Tatacara Injil



GARIS PANDUAN LATIHAN BAGI MAJLIS-MAJLIS KAWASAN, PENYELARAS, MISI, PANCANG, BAHAGIAN, DAN CABANG

*Dalam arahan ini, anda akan melihat dan mendengar pengalaman anak-anak Bapa Syurgawi kita dalam perjalanan pelbagai mereka untuk mengikat kepada Juruselamat melalui perjanjian dan tatacara injil. Anda akan mendengar bagaimana **mengasih, berkongsi, dan menjemput** telah membantu mereka berkembang dalam perjalanan perjanjian dengan gembira. Anda mungkin kenali bagaimana perkongsian injil, kerja bait suci dan sejarah keluarga, dan menjaga mereka yang memerlukan memainkan peranan. Terutamanya, anda mungkin kesani bagaimana hal-hal tersebut “menyatukan segala sesuatu ... dengan Kristus” (Efesus 1:10).*

TAHAP KEHIDUPAN 1: KANAK-KANAK

Tontonkan **video President Joy D. Jones dan kanak-kanak**, dan kemudian bincangkan apakah yang anda akan lakukan untuk membantu kanak-kanak mengikatkan diri mereka kepada jalan perjanjian Juruselamat.

- Apakah yang Roh ajarkan ketika kita menonton video ini?
- Bagaimanakah asas-asas kasih, berkongsi, dan menjemput membantu kanak-kanak apabila mereka berusaha untuk berkongsi injil?
- Bagaimanakah pelayanan membantu kanak-kanak kekal di jalan perjanjian setelah dibaptiskan?



TAHAP KEHIDUPAN 2: REMAJA

Tontonkan **video Presiden Bonnie H. Cordon dan Presiden Stephen J. Lund dan para remaja**, dan kemudian bincangkan apa yang anda akan lakukan untuk membantu para remaja ikatkan diri kepada Juruselamat di jalan perjanjian.

- Bagaimanakah kita membantu para remaja mentaati perjanjian pembaptisan dan bersedia untuk langkah seterusnya pada jalan perjanjian?
- Bagaimanakah asas-asas kasih, kongsi, dan menjemput membantu para remaja untuk terlibat dalam kerja bait suci dan sejarah keluarga?
- Bagaimanakah kita membantu para remaja mempunyai harapan dan semangat kekitaan apabila mereka terikat kepada Juruselamat ?

TAHAP KEHIDUPAN 3: DEWASA MUDA

Tontonkan **video Presiden Mark L. Pace dan para dewasa muda**, kemudian bincangkan apa yang anda akan lakukan untuk membantu para dewasa muda mengikatkan diri mereka kepada Juruselamat di jalan perjanjian.

- Apakah yang kita pelajari daripada kasih, perkongsian, dan jemputan yang diberikan kepada kita?
- Bagaimanakah kita boleh membantu dewasa muda berharapan dan rasa kekitaan ketika mereka meningkatkan keberdikarian dan melayan orang? Bagaimanakah kita membantu mereka tahu bahawa mereka diperlukan dalam Gereja Tuhan?
- Apakah peranan aktiviti-aktiviti Gereja bermakna dan para pemimpin yang penyayang dalam mengikatkan para dewasa muda kepada Juruselamat?

TAHAP KEHIDUPAN 4: DEWASA

Tontonkan **video Presiden Jean B. Bingham dan para dewasa**, kemudian bincangkan apa yang anda akan lakukan untuk membantu para dewasa mengikatkan diri mereka kepada Juruselamat di jalan perjanjian itu.

- Bagaimanakah perjanjian-perjanjian kita memulih dan membantu kita tetap kekal pada jalan itu—walaupun dalam masa yang susah?
- Apakah cara-cara yang dapat membantu ahli-ahli mengikatkan diri dan yang lain kepada Juruselamat melalui perjanjian dan tatacara Injil?
- Bagaimanakah perkembangan keberdikarian rohani boleh membantu kita mengasihi, berkongsi, dan menjemput?

SUMBER-SUMBER BAGI MAJLIS KAWASAN, PENYELARAS, MISI, PANCANG, BAHAGIAN, DAN CABANG

Untuk Kanak-Kanak dan Remaja

GAMBARAN KESELURUHAN KANAK-KANAK DAN REMAJA

Program Kanak-kanak dan Remaja direka untuk mengukuhkan iman generasi baru terhadap Yesus Kristus, dan membantu kanak-kanak, remaja, dan keluarga mereka maju sepanjang jalan perjanjian di samping menghadapi cabaran-cabaran hidup. Ia membantu melibatkan usaha kanak-kanak dan remaja dalam pengumpulan Israel dan kerja penyelamatan dan permuliaan dalam kehidupan mereka setiap hari. Ia berpusatkan rumah dan disokongi gereja.



HARAPAN BAGI GENERASI YANG AKAN DATANG

Kanak-Kanak dan Remaja membantu generasi yang akan datang berkembang dalam pelbagai cara, termasuklah melalui wahyu, hak pilihan, dan perhubungan. Setiap individu belajar untuk menerima dan mengikut wahyu peribadi apabila mereka menggunakan hak pilihan dan memilikkan peluang-peluang untuk mengembangkan diri mereka. Ini juga berlaku apabila para remaja belajar memimpin di dalam presidensi kuorum dan kelas. Mereka membina perhubungan bersama keluarga, pemimpin, dan rakan sebaya apabila mereka bekerja dan melayan bersama dan belajar bahawa mereka tergolong dan diperlukan dalam kerja Tuhan.

DI MANAKAH HARUS KITA BERMULA HARI INI?

Kami menjemput kanak-kanak, remaja, dan ibu bapa dan para pemimpin mereka untuk berjanji atau memperbaharui perjanjian supaya menjadi lebih seperti Juruselamat dengan melibatkan diri dalam usaha-Nya. Usaha-usaha tersebut tidak seharusnya susah! Berikut beberapa cara untuk bermula:

Ibu Bapa

- Kumpulkan keluarga untuk pengajian kitab suci. Sumber-sumber *Ikutlah Aku* boleh membantu. Pertimbangkan untuk mengadakan perbincangan tentang topik-topik seperti perjanjian, wahyu, hak pilihan, dan berkat bapa bangsa.
- Rancangkan satu aktiviti keluarga. Bagaimanakah anda boleh melayan jiran atau komuniti anda dengan selamat? Jika ada, JustServe boleh membantu berikan idea-idea.
- Bertemu dengan setiap anak lelaki atau anak perempuan secara individu. Bincangkan minat dan bagaimana mereka ingin berkembang. Bantu dan sokonglah perkembangan peribadi mereka. Bincangkan matlamat yang mereka ingin capai atau usahakan.

Para Pemimpin Sekolah Primer

- Ketahui situasi keluarga kanak-kanak, dan carikan wahyu untuk membantu mereka secara individu.
- Mulakan pertemuan Ahad dan aktiviti-aktiviti Sekolah Primer secara langsung atau maya (apabila ia selamat dan dibenarkan).
- Jangan bimbang untuk mencantumkan matlamat setiap individu kepada aktiviti-aktiviti! Tumpuan anda adalah untuk berhubung dan memberkati kanak-kanak dan keluarga mereka—terutamanya apabila mereka memerlukan atau meminta bantuan.

Para Pemimpin Dewasa bagi Remaja

- Mulakan pertemuan Ahad dan aktiviti-aktiviti kuorum dan kelas secara langsung atau maya (apabila ia selamat dan dibenarkan). Galakkan para remaja untuk menghafalkan dan memulakan pertemuan dengan tema baru Remaja Puteri dan kuorum Imamat Harun.
- Panggil, tetapkan, dan memperkuasakan presidensi kuorum dan kelas. Bantu mereka adakan mesyuarat presidensi yang kerap dan untuk merancang dan membimbing pertemuan Ahad dan aktiviti-aktiviti. Adakan majlis remaja bahagian, dan galakkan penglibatan dalam pertemuan penyelarasan penginjil dan bait suci dan sejarah keluarga. Mentor dan sokonglah presidensi apabila perlu tanpa mengambil alih tugas mereka. Bantu para presidensi belajar kemahiran membimbing dengan menggunakan [sumber-sumber presidensi kuorum dan kelas](#).
- Rancang dan adakan kem remaja dan persidangan remaja pada tahun 2021, mengikut garis panduan keselamatan.
- Jangan bimbang untuk mencantumkan matlamat setiap individu kepada aktiviti-aktiviti! Tumpukan perhatian dalam berhubung dengan para remaja. Anda juga mungkin membantu presidensi kuorum dan kelas hubungkan aktiviti-aktiviti dengan keperluan para remaja.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, LIHAT CHILDRENANDYOUTH.CHURCHOFJESUSCHRIST.ORG.

Untuk Para Dewasa

TEMPAT-TEMPAT PENGUMPULAN DEWASA MUDA BUJANG (YOUNG SINGLE ADULTS - YSA)

Presidensi Utama telah memberi kebenaran bagi tempat-tempat untuk pengumpulan para dewasa bujang berdasarkan keperluan kawasan tersebut. Satu tempat perkumpulan ialah satu tempat yang ditetapkan dalam kemudahan yang sedia ada (contohnya bangunan pertemuan atau institut) di mana para dewasa bujang dan kawan-kawan dapat berkumpul dan menurut serta dalam beberapa atau semua berikut (berdasarkan keperluan dan sumber tempatan):

- Pendidikan agama dan pembelajaran injil (termasuk institut)
- Aktiviti-aktiviti layanan dan sosial
- Aktiviti-aktiviti bait suci dan sejarah keluarga
- Peluang keberdikarian dan pendidikan
- Aktiviti-aktiviti menginjil dan jangkauan masyarakat
- Program-program Gereja lain



Semua tempat perkumpulan harus diluluskan oleh Presidensi Kawasan dan diawasi oleh presiden pancang dan uskup.

PANGGILAN BAGI DEWASA BUJANG MUDA DAN DEWASA BUJANG

Perubahan dan penjelasan polisi baru-baru ini telah menyelesaikan pengeliruan dan tradisi palsu yang mungkin berkenaan peluang-peluang bagi ahli bujang melayan dalam Gereja Tuhan. Perubahan dan penjelasan polisi tersebut, diluluskan oleh Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas dan telah dimasukkan dalam *General Handbook*, menjelaskan bahawa dewasa bujang muda dan dewasa bujang boleh diberkati dan memberkati dalam pelbagai panggilan, termasuklah sebagai pemimpin pancang dan bahagian. Polisi-polisi yang sama kini berkuat kuasa dalam semua unit Gereja, termasuklah unit-unit dewasa bujang muda dan dewasa bujang. Sekatan bagi para dewasa bujang muda dan dewasa bujang dari melayan dalam presidensi pancang, lembaga uskup, dan presidensi Lembaga Pertolongan pancang dalam unit-unit dewasa bujang muda dan dewasa bujang telah dihapuskan.

Ahli-ahli bujang kini boleh melayan dalam kedudukan kepimpinan termasuklah organisasi presidensi bahagian dan pancang, presidensi kuorum penatua, penasihat uskup, ahli majlis tinggi, dan penasihat presidensi pancang.

Memerlukan dan Mengalukan Semua—Kasih, Kongsi, dan Jemput

Apabila ahli-ahli bergelut dengan perasaan tidak tergolong, kadangkala para pemimpin dan yang lain secara tidak sengaja mengatakan perkara yang mengukuhkan kepercayaan ahli-ahli tersebut bahawa mereka tidak tergolong atau tidak diperlukan.

Ingatlah kebenaran berikut berkenaan kasih, kongsi, dan menjemput mungkin membantu mengalukan semua untuk ke aktiviti, persahabatan, dan rasa kekitaan dalam Gereja Yesus Kristus:

- Setiap orang anak terkasih Tuhan yang mempunyai sifat dan takdir ilahi. Selain daripada berkat abadi yang dijanjikan kepada mereka yang setia, Dia ingin memberkati anak-anak-Nya sekarang, dalam hidup ini.
- Setiap anak Tuhan diperlukan dalam usaha membina kerajaan-Nya.
- Untuk membantu seseorang merasai semangat kekitaan dan diperlukan, bermula dengan kasih. Dengarlah dan fahamilah pengalaman mereka. Jangan andaikan anda sudah ketahui atau fahami.
- Kita tidak mempunyai jawapan bagi segala soalan yang kita atau yang lain hadapi dalam hidup ini. Contohnya, kita tidak tahu mengapa seseorang menghadapi cabaran tertentu.
- Bersikap terbuka dan tidak menghakimi. Alukan setiap orang, tanpa mengira apa pun situasi mereka. Pelawa untuk membantu, dan beri tumpuan kepada kebenaran bahawa setiap orang diperlukan di dalam Gereja.
- Jika anda dengan tidak sengaja berkata sesuatu yang menyinggung perasaan, jangan mempertahankan diri; minta maaf dan cuba memperbaiki diri.



UNTUK MAKLUMAT BAGAIMANA MEMBANTU AHLI-AHLI DALAM KEADAAN TERTENTU, LIHAT [COUNSELINGRESOURCES .CHURCHOFJESUSCHRIST.ORG](https://www.churchofjesuschrist.org/counselingresources).

BERMANFAAT UNTUK BERKATA

- **Selamat Datang! Anda dikehendaki dan dikasihi. Terima kasih kerana berada di sini**
- **Ajarkan saya pengalaman anda. Apakah yang anda inginkan saya fahami?**
- **Kami mengalukan anda dan memerlukan anda tanpa mengira apa pun situasi anda. Bagaimanakah kita boleh membantu? Bagaimanakah anda boleh membantu kami?**
- **Tuhan inginkan anda gembira sekarang. Injil-Nya memberi harapan dan kegembiraan kepada semua anak-Nya**

